

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19/8/2013

Langkah penswastaan mampu lonjak prestasi MAS - Dr. M

UM-19/8/2013

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin langkah penswastaan berupaya melonjakkan prestasi Malaysia Airlines System Bhd. (MAS).

Beliau berkata, syarikat swasta lebih mengutamakan penjaan keuntungan berbanding syarikat milik kerajaan (GLC) yang matalamatnya lebih kepada menyediakan peluang pekerjaan.

"Pengalaman saya bersama Proton Holdings Bhd., pemilik baharu amat mengambil berat tentang untung dan rugi syarikat.

"Mereka perlu menstruktur semula pengurusan tertinggi agar boleh menjana keuntungan," katanya ketika ditemui pemberita sempena majlis Rumah Terbuka



Aidilfitri beliau di The Mines, Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan perlu mempertimbangkan tawaran semua pihak yang berminat untuk mengambil alih MAS.

Dalam perkembangan lain, beliau menyifatkan tindakan kerajaan menarik balik taraf penduduk tetap (PR) pengusaha resort warga Singapura di Kuala Sedili, Johor yang terlibat dalam isu surau digunakan untuk upacara agama Buddha baru-baru ini se-

bagai langkah tepat.

"Kerajaan berhak mengambil tindakan sekiranya ada pihak melakukan perbuatan bercanggah dengan dasar-dasar kebangsaan dan boleh

mencetuskan konfrontasi agama," ujarnya.

Jelas beliau, perbuatan tidak bertanggungjawab terutama oleh individu yang bukan warganegara tidak dialu-alukan di negara ini.

Mengulas pergolakan yang sedang berlaku di Mesir, Dr. Mahathir berpandangan, suara majoriti rakyat negara itu yang memilih kerajaan secara demokratik hendaklah diambil kira.

Sementara itu Presiden Kesa-

tuan Pekerja-Pekerja Kakitangan Sistem Penerbangan Malaysia (MASEU), Alias Aziz berpendapat, cadangan untuk menjual MAS kepada pihak ketiga tidak akan mampu menyelesaikan masalah syarikat penerbangan milik kerajaan itu secara menyeluruh.

Beliau berkata, kerajaan sewajarnya memberi kuasa autonomi kepada pengurusan MAS bagi menyelamatkan syarikat penerbangan kebanggaan negara itu daripada terus dibelenggu masalah kewangan.

Tegas beliau, terlalu banyak 'campur tangan luar' dalam pengurusan MAS menyebabkan syarikat itu gagal berbanding pesaing-pesaing lain.

"Saya melihat ramai kakitangan MAS yang mempunyai pe-

ngalaman dalam pengurusan sehingga mencecah 30 tahun, namun mereka ini tidak diberi peluang.

"Adalah lebih baik sekiranya kerajaan memberi peluang kepada mereka yang benar-benar arif dalam industri ini untuk menyelesaikan masalah dan bukannya menjual syarikat ini kepada pihak diragui niatnya sama ada mahu membantu atau mengambil kesempatan seperti berlaku sebelum ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala berhubung cadangan supaya kerajaan keluar daripada industri penerbangan dengan caramenjual MAS.